



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang berkaitan bagi menyertai sebutharga berikut :-

BIL.	PROJEK	KOD BIDANG
1 /2017 (E)	Sebutharga Membekal Perkhidmatan Pembaikan Bagi Sistem Hawa Dingin Jenis VRV di Aras 3, Menara MPSPK, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	220301

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Kewangan** mulai **23 Januari 2017 (Isnin)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad – Rabu : 8.15 pagi hingga 12.15 tengah hari
2.15 petang hingga 4.45 petang
Khamis : 8.15 pagi hingga 12.15 tengah hari
2.15 petang hingga 3.15 petang

Penyebutharga dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Asal** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **satu salinan** sijil tersebut semasa membeli dokumen sebutharga.

Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga **RM 10.60 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ringgit dan Enam Puluh Sen Sahaja)** yang tidak dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat di dalam bentuk tunai.

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **01 Februari 2017 (Rabu)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**. Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.